

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 NOVEMBER 2014**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2015

Sukacitanya saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk **Penggal Pertama 2015** akan mula diterima oleh pemilik harta di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai **1 Disember 2014** dan pembayaran perlu dibuat sebelum **28 Februari 2015**.

Bil tersebut juga boleh disemak di kaunter bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu di www.mpsp.gov.my. Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU TAHUN 2015

Saya juga ingin memaklumkan bahawa, MPSP sekali lagi akan mengadakan Promosi Bayaran Cukai Pintu kepada pembayar cukai taksiran mulai 1 Disember 2014 hingga 31 Januari 2015. Pemilik harta yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2015 berserta tunggakan (jika ada)** akan diberi kupon letak kereta

percuma sebagai cenderamata serta layak menyertai cabutan bertuah. Berikut adalah senarai hadiah yang telah disediakan:-

Hadiah Pertama	1 Unit Treadmill Model CyberAir EZ Gintell
Hadiah Kedua	1 Unit Mountain Bike Exitway Eagle
Hadiah Ketiga	1 Unit Samsung Galaxy S5
Hadiah Keempat	1 Unit Mountain Bike Exitway XO
Hadiah Kelima	1 Unit Asus Notebook
Hadiah Keenam	1 Unit Magnetic Bike FT234 Gintell
Hadiah Ketujuh	1 Unit Ipad Air 16GB
Hadiah Kelapan	1 Unit Mini Ipad With Retina Display Wifi 16G
Hadiah Kesembilan	1 Unit Samsung Galaxy Tab 4
Hadiah Kesepuluh	1 Unit Mountain Bike Exitway Dallas
Lain-Lain Hadiah	40 Hadiah Lain berupa Notebook, Mountain Bike,Barangan Elektrik, Alat Telekomunikasi serta Peralatan dan Perkakasan Rumah

Stok cenderamata adalah terhad. Cenderamata ini boleh dituntut di semua Kaunter Bayaran MPSP dengan mengemukakan bukti pembayaran.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di 04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

3. PENGANUGERAHAN BANDAR MAMPAN 2013 (SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA & HARI HABITAT SEDUNIA 2014)

Satu majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2014 telah diadakan di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 11 November 2014 (Selasa) yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bersempena dengan majlis tersebut, salah satu program yang telah diadakan adalah penyampaian Penghargaan *MURNInets – Anugerah Bandar Mampan 2013. Untuk itu, MPSP merupakan PBT yang telah dianugerahkan Sijil Bandar Mampan dan menerima hadiah wang tunai RM 2000. Hadiah disampaikan oleh Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian, Kesejahteraan Bandar,

Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Tuan Haji Zainuddin Ahamad, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Program MURNInets telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan di bandar-bandar di Malaysia mulai tahun 2002. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) selaku penyelia dan penyelaras program MURNInets telah melaksanakan kajian semula sistem dan penunjuk-penunjuk MURNInets untuk diselaraskan dengan pelbagai isu-isu kemampanan baru serta perubahan dalam dasar pembangunan Negara. Pada tahun 2011, JPBD SM telah memperkenalkan versi baru MURNInets dan diberi penjenamaan semula kepada Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar – Luar Bandar Malaysia atau *Malaysian Urban–Rural National Indicators Network On Sustainable Developments* (MURNInets). Program MURNInets merupakan satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampanan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui 6 Dimensi, 22 Tema dan 36 Penunjuk wajib MURNInets. 6 Dimensi tersebut adalah seperti berikut :

1. Ekonomi berdaya saing
2. Kualiti persekitaran mampan

3. Komuniti sejahtera
4. Gunatanah dan sumber asli optimum
5. Infrastruktur dan pengangkutan efisien
6. Urustadbir efektif

(22 Tema dan 36 Penunjuk Wajib seperti di lampiran)

Pada tahun 2013, adalah merupakan tahun pertama MPSP diiktirafkan pencapaian Bandar Mampan oleh Kementerian.

4. PENGIKTIRAFAN KEBUN KEJIRANAN DAN PENGKOMPOSAN OLEH PENANG GREEN COUNCIL

Untuk makluman, pada 20 November 2014 yang lalu, MPSP telah diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh Penang Green Council (PGC) atas inisiatif program Kebun Kejiranaan dan Pengkomposan. Penyampaian sijil penghargaan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Sekolah Han Chiang, Pulau Pinang.

5. PESIJILAN 'ENERGY MANAGEMENT SYSTEMS' (EnMS) ISO 50001:2011

Majlis Sirim - Industri 2014 telah diadakan pada 21 November 2014 bertempat di Grand Lagoon Ballroom, Sunway Resort Hotel

& Spa Petaling Jaya yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu YB Datuk Dr Abu Bakar Bin Mohamad Diah.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diwakili oleh 10 orang pegawai dari pelbagai jabatan. Majlis ini dianjurkan khas oleh SIRIM bagi memberi penghargaan kepada organisasi dan syarikat yang telah berjaya mendapat persijilan daripada anak syarikat SIRIM; SIRIM QAS International.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membangunkan Manual Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS) yang berkuatkuasa pada 15 Mac 2014 yang turut diintegrasikan dengan beberapa prosedur pengurusan sistem yang lain seperti ISO 9001, ISO 14001 & ISO 18001.

MPSP telah berjaya dipersijilkan untuk Persijilan ISO 50001:2011 'Energy and Management System'. MPSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia yang berjaya memperoleh persijilan ini.

- Tarikh Pensijilan : 15 Ogos 2014
- Tempoh Pensijilan: 15 Ogos 2014 – 14 Ogos 2017 (3 tahun)

Tujuan EnMS ini adalah untuk mencapai dan mengekalkan perolehan dan penggunaan tenaga optimum keseluruhan organisasi, untuk mengurangkan kos tenaga dan untuk meningkatkan keselamatan tenaga. Skop Pendaftaran yang digunakan ialah *Operation And Maintenance Of The MPSP's HQ Building In Bandar Perda, Bukit Mertajam*. (Operasi & Penyelenggaraan Terhadap Bangunan Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam).

OBJEKTIF / SASARAN 2014

Pengurangan penggunaan Tenaga Elektrik sebanyak 3% dari jumlah penggunaan Tenaga Elektrik Tahun 2013.

TAHUN	JUMLAH PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK (kWh)	KADAR PENURUNAN / PENINGKATAN (%)	SASARAN
2012	2,070,990		
2013	2,001,579	3.35	
2014	1,941,531.63		3% dari tahun 2013

SIGNIFICANT ENERGY USES (SEU)

Penggunaan tenaga yang ketara (SEU) telah dikenalpasti sepanjang melaksanakan program ini. SEU bermaksud peralatan yang menggunakan tenaga elektrik yang tertinggi daripada jumlah penggunaan tenaga elektrik keseluruhan bangunan. Bagi

menentukan SEU, kajian tenaga telah dilaksanakan. Berikut disenaraikan hasil kajian penggunaan tenaga elektrik dalam Bangunan Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda :

TENAGA YANG DIGUNAKAN	PERATUS PENGGUNAAN TENAGA (%)	KATEGORI
Penghawa Dingin	49.73	Ketara
Pencahayaan	21.87	Tidak Ketara
Komputer	10.18	Tidak Ketara
Peralatan pejabat (mesin fotostat, mesin pencetak, mesin pengimbas,plotter dan lain-lain)	8.89	Tidak Ketara

6. PENGANUGERAHAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA 2014 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Untuk makluman, Pertandingan Tandas Bersih Negeri Pulau Pinang bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia telah diadakan pada 19 November 2014 (Rabu) bertempat di Sunway Carnival Convention Centre, Seberang Jaya. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori seperti tandas kategori restoran, stesen minyak, tandas awam milik PBT dan sebagainya. MPSP telah mengambil bahagian bagi kategori tandas awam milik PBT dan berjaya mendapat anugerah seperti berikut:

- | | | |
|--|---|---------------|
| 1) Tandas Pasar Awam Samagahah | - | Tempat Ketiga |
| 2) Tandas Pasar Awam Perkampungan Juru | - | Saguhati |
| 3) Tandas Pasar Awam Berapit | - | Saguhati |

Pertandingan Tandas Bersih Negeri Pulau Pinang bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia diadakan setiap tahun bertujuan mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan tandas bagi meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang khususnya Seberang Perai.

7. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 3 November 2014 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai tersebut, adalah Dr Nur Fadilah binti Ab Rahim, Pegawai Veterinar G41 yang ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 7 Disember 2014 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 21 Disember 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 28 Disember 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

9. SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua penganut Agama Kristian yang bakal meraikannya pada 25 Disember 2014 (Khamis) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.